

Jika pemimpin dan ahli mudah dibeli —

Umno akan lemah, kata Mahathir

BH 30 MAR 1985

ALOR STAR, Jumaat — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad memberi amaran Umno akan lemah dan hancur jika pemimpin-pemimpin dan ahli-ahlinya mudah dibeli dengan wang oleh pihak-pihak tertentu.

"Jika ahli-ahli Umno boleh dibeli dengan wang untuk mendapatkan sokongan mereka, maka musuh-musuh parti juga boleh membeli mereka untuk merosakkan parti," kata Perdana Menteri di majlis perjumpaan dengan pemimpin-pemimpin Umno Kedah di Bangunan Tunku di sini malam semalam.

Datuk Seri Dr Mahathir mengingat-

kan bahawa cara menggunakan wang untuk mendapatkan sokongan di kalangan ahli parti adalah tidak sihat dan merbahaya.

Beliau juga mengingatkan bahawa pertukaran pemimpin perlu dijalankan mengikut cara-cara yang sihat dan mengikut perlembagaan parti.

"Kita perlu patuh dan menghormati perlembagaan parti bagi memastikan keutuhan umno," tambahnya.

Selain itu, tambahnya, ahli-ahli Umno perlu mempunyai semangat perjuangan dan kepercayaan kepada parti bagi mencapai segala hasrat dan cita-cita bangsa.

Beliau berpendapat ketaatan kepada pemimpin-pemimpin parti adalah lebih penting daripada keinginan melihat seseorang pemimpin itu ditukar atau diganti.

"Kita masuk Umno bukan kerana ingin mendapatkan kedudukan, wang atau pangkat tetapi percaya kepada perjuangan umno," tambahnya.

Perdana Menteri menegaskan hanya Umno sebuah parti yang dapat membela dan menentukan nasib rakyat khususnya orang-orang Melayu.

Katanya, jika ahli-ahli Umno kini kurang bersemangat melaksanakan perjuangan parti, lambat laun Umno akan lemah dan tidak dihormati oleh orang lain.

Berkuasa

Oleh itu, tegasnya, semangatkan ahli-ahli Umno

perlu dibakar dan dikuatkan bagi memastikan Umno terus berkuasa dan disegani oleh pelbagai pihak.

Mengenai lawatannya ke negeri-negeri di seluruh Malaysia, Datuk Seri Dr Mahathir menjelaskan ia bertujuan mengenalpasti masalah dan keadaan di kalangan rakyat di negeri-negeri yang dilawati.

"Lawatan saya ini bukan sebagai persediaan menghadapi pilihanraya," tambahnya.

Menurutnya, beliau ingin mengetahui secara lebih dekat masalah dan keadaan-keadaan yang ada di negeri-negeri yang dilawati untuk diatasi dan diperbaiki.